

16 FEB 2003

Najib-Air

ISU AIR: SINGAPURA PATUT BERI MAKLUMBALAS POSITIF ATAS KEIKHLASAN

ALOR GAJAH, 16 Feb (Bernama) -- Malaysia telah menunjukkan keikhlasan untuk menyelesaikan isu air dengan Singapura dan republik itu sepatutnya memberi maklumbalas positif untuk bertindak segera menyelesaikan isu tersebut, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak hari ini.

Beliau berkata keikhlasan Malaysia terpancar apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kepada Singapura yang negara ini akan membekalkan air kepada republik itu "sampai kiamat".

"Pengakuan Dr Mahathir ini juga menghilangkan keraguan di kalangan rakyat Singapura berhubung isu ini. Kita hanya menuntut harga yang adil mengenai isu air ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Berkelompok Mesyuarat Umno Cawangan dalam Bahagian Selandar di A' Famosa Resort di sini.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata Malaysia sentiasa memilih jalan perbincangan dalam menyelesaikan sesuatu isu dan bukannya bertindak memusuhi sesuatu negara.

Beliau berkata ini terbukti dengan isu Pulau Sipadan dan Ligitan yang dibawa ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa di The Hague, Belanda yang menyaksikan sikap toleransi negara ini dan Indonesia dapat menyelesaikan isu berkenaan dengan baik.

Pada perkembangan lain, Najib yang juga Pengerusi Biro Keahlian Umno berkata proses pendaftaran anggota baru berjalan lancar di semua bahagian.

Selain itu, katanya, bahagian-bahagian juga perlu bergerak mendaftarkan anggota-anggota Umno sebagai pengundi dan Umno Pusat mempunyai senarai nama anggota yang masih belum mendaftar sebagai pengundi.

"Sejak kempen yang diadakan dari semasa ke semasa, kesedaran daripada Umno bahagian amat baik dan ia perlu diteruskan untuk memastikan semua ahli Umno dapat menunaikan tanggungjawab sebagai pemilih apabila pilihan raya nanti," katanya.

Beliau juga meminta supaya semua cawangan Umno dapat memudahkan proses pendaftaran anggota baru dan bukannya menyusahkan kerana Umno bukannya parti untuk golongan tertentu.

"Salah satu kejayaan Umno adalah mendapat sokongan rakyat teramai dan kita ada menerima aduan mengenai cawangan yang menyusahkan ahli baru untuk mendaftar kerana kepimpinannya takut digugat oleh ahli berkenaan, bagaimanapun ini tidak serius," katanya.

-- BERNAMA

SBS MOZ